



JOURNAL OF CREATIVE INDUSTRY AND SUSTAINABLE CULTURE

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/jcisc>

How to cite this article:

Che Ab Adzizi, A., & Totong Johariiii, H.S. (2024). Analysis Of Kelantan Dialect And Community Culture Symbol In The Telefilm Ikan Singgang Cicah Budu. *Journal of Creative Industry and Sustainable Culture*, 3 (8), 114-135. <https://doi.org/10.32890/jcisc2024.3.8>

ANALISIS DIALEK KELANTAN DAN SIMBOL BUDAYA MASYARAKAT DALAM TELEFILEM IKAN SINGGANG CICAH BUDU (ANALYSIS F KELANTAN DIALECT AND COMMUNITY CULTURE SYMBOL IN THE TELEFILM IKAN SINGGANG CICAH BUDU)

¹Aselawati Che Ab Adzizi & ²Halimatus Saadiah Totong Johariiii

Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi,
Universiti Utara Malaysia

¹*Corresponding author: aselawati@uum.edu.my*

Received: 31/7/2024

Revised: 2/9/2024

Accepted: 20/9/2024

Published: 31/10/2024

ABSTRACT

A dialect is a regional or local language used throughout the country. Each state has its own dialect. Although Malaysian society comprises diverse ethnic groups and belongs to the same linguistic family, sometimes the dialects used cannot be understood by all groups in the country. Thus, this study examines cultural symbolism through semiotic analysis using Saussure's (1916) approach (signifier and signified) and discusses the nasal sounds in the Kelantan dialect through the telefilm "Ikan Singgang Cicah Budu". The analysis of the changes in nasal sounds in the Kelantan dialect (Barthes, 1972) (denotation and connotation) shows a transformation of the nasal sound [n] to [ŋ]. Additionally, it examines changes in nasal sounds [n], [m], [ŋ] to the vowel sound e taling [ě]. Furthermore, it compares the pronunciation of words containing nasal consonants in the Kelantan dialect with the pronunciation of words in modern Malay. The study uses a symbolic approach and textual analysis of selected scenes from the telefilm "Ikan Singgang Cicah Budu", analyzed minute by minute for scenes using the Kelantan dialect and its nasal sounds. Findings indicate seven changes in the nasal sound [n] to [ŋ] and 32 changes in nasal sounds [n], [m], [ŋ] to the vowel e taling [ě]. These changes highlight vocabulary differences between the Kelantan dialect and modern Malay. This shows that the original modern Malay vocabulary modified by the Kelantan community can only be understood within their group. The study finds that the Kelantan dialect plays an essential role in Malay language variation despite certain nasal sounds being challenging to comprehend. Moreover, it showcases linguistic diversity measured through dialects, known as isoglosses, and highlights the uniqueness of the Malay language in Malaysia.

Keywords: *Textual analysis, nasal sounds, Kelantan dialect, film, cultural symbology.*

ABSTRAK

Dialek merupakan bahasa daerah atau setempat yang digunakan di seluruh negara. Setiap negeri mempunyai dialek yang tersendiri. Walaupun Masyarakat di Malaysia mempunyai kepelbagaian etnik dan terdiri daripada satu rumpun, namun adakala dielek yang digunakan tidak mampu difahami oleh semua golongan masyarakat di negara ini. Justeru, kajian ini meneliti simbologi budaya menerusi kaedah analisis semiotik dengan pendekatan Saussure (1916), (petanda dan tanda) dan membincangkan makna bunyi nasal dialek Kelantan menerusi telefilem “Ikan Singgang Cicah Budu”. Penelitian terhadap perubahan bunyi nasal dalam dialek Kelantan (Barthes, 1972) (denotasi dan kontanasi) mengalami perubahan bunyi nasal [n] kepada [ŋ]. Kemudian ia juga turut meneliti perubahan pada bunyi nasal [n], [m], [ŋ] kepada bunyi vokal e taling [ě]. Sementara itu, ia juga melihat perbandingan sebutan perkataan yang mengandungi konsonan nasal dalam dialek Kelantan dengan sebutan perkataan dalam Bahasa Melayu moden. Justeru, pendekatan simbologi dan juga analisis tekstual terhadap telefilem “Ikan Singgang Cicah Budu” mengikut babak-babak yang terpilih. Ia dianalisis menerusi minit ke minit dalam setiap babak yang menggunakan dialek Kelantan yang menggunakan bunyi nasal tersebut. Dapatan menunjukkan terdapat 7 perubahan bunyi nasal [n] kepada [ŋ], dan 32 perubahan bunyi nasal [n], [m], [ŋ] kepada bunyi vokal e taling [ě]. Perubahan yang berlaku ini menunjukkan perbezaan kosa kata dalam dialek Kelantan dengan Bahasa Melayu Moden. Hal ini menunjukkan bahawa kosa kata asal Bahasa Melayu Moden yang diubah oleh masyarakat Kelantan hanya boleh difahami dalam kalangan mereka. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa dialek Kelantan memainkan peranan penting dalam variasi Bahasa Melayu walaupun ada bunyi nasal yang sukar difahami. Malah, ia menunjukkan kepelbagaian bahasa yang diukur menggunakan dialek iaitu isoglos dan menunjukkan keunikan Bahasa Melayu di Malaysia.

Kata kunci: *Analisis tekstual, bunyi nasal, dialek Kelantan, filem, simbologi budaya.*

PENGENALAN

Dialek merupakan bahasa yang dituturkan oleh Masyarakat mengikut keadaan geografi setempat. Di Malaysia mempunyai beberapa zon iaitu Zon Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang), Zon Tengah (Perak, Selangor dan Negeri Sembilan), Zon Barat (Sabah, Sarawak) dan Zon Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang). Setiap zon mempunyai variasi dialek yang tersendiri (Noor Rohana et.al., 2017). Dialek digunakan oleh Masyarakat mengikut batasan geografi tertentu dan mempunyai kelainan antara satu sama lain, dan dituturkan berbeza dengan bahasa Melayu standard. Ini adalah kerana ciri-ciri linguistik iaitu dari segi fonologi, morfologi serta sintaksis akibat daripada perpisahan masyarakat berpisah disebabkan kedudukan geografi (Asmah, 2008). Sementara itu, Mohd Khaidir (2022), menyatakan dielek biasanya digunakan dalam konteks perbualan yang tidak rasmi kerana ia tidak terikat secara rigid (Mohd Khaidir & Mohd Nor Taufiq, 2020).

Dialek Kelantan merupakan dialek yang dipertuturkan oleh Masyarakat dan penduduk di negeri Kelantan. Dialek Kelantan juga dianggap unik kerana ia berbeza dengan bahasa standard (Sukani & Karim, 2019). Selain itu juga, ia adakalanya sukar difahami oleh oleh sebahagian Masyarakat di negeri lain (Nik Safiah & Rozita, 2016).

KAJIAN LITERATUR

Kajian awal terhadap dialek Kelantan telah dijalankan oleh Ajib Che Kob (1985) yang mendapati di daerah Pasir Mas Sahaja mempunyai 20 fonem konsonan dan juga 8 fonem vokal. Selain itu, kajian dialek Kelantan ini juga turut dijalankan oleh Abdul Hamid Mahmood (1994) yang mana mendapati dialek Kelantan mempunyai perbezaan dari segi fonologi, morfologi, ayat dan juga leksikal. Ini menyebabkan cara pengucapannya berbeza dengan bahasa Melayu. Sebelumnya, kajian oleh Asmah Haji Omar (1993) terhadap subdialek Kota Bharu yang beliau anggap sebagai dialek Kelantan standard. Kajian seterusnya dijalankan oleh Adi Yasran (2010) menunjukkan dialek Kelantan mempunyai enam fonem. Perubahan nasal berlakun adalah kerana proses asimilasi homorganik (Fuze, M. F. I., & Jaafar, S. R. S. (2023) yang mana berlakunya perpindahan ke satu daerah ke satu daerah terhadap penduduk Kelantan. Walau bagaimanapun penemuan-penemuan kajian lepas masih ada kelompangan terhadap dialek Kelantan ia jelas digambarkan menerusi telefilem Ikan Singgang Cicah Budu. Ikan singgang dan budu menjadi satu ikon dan simbol kepada negeri Kelantan.

Filem dan Teori Semiotik

Telefilem merupakan pecahan daripada telefilem yang disiarkan menerusi kaca televisyen di rumah dan filem disiarkan di layar skrin dipawagam. Filem merupakan salah satu komponen media massa yang paling berpengaruh sehingga ke hari ini dan di seluruh dunia sehingga berjuta-juta orang menonton filem setiap hari (Gronemeyer, 1999). Industri filem merupakan suatu perniagaan yang serius dan perniagaan membuat duit (Diana, Noraini, Zainodin & Suhaimi, 2016; Ugang, 2015) serta kepentingan ekonomi yang besar (Eliashberg & Elberse, 2006), dan dilihat sebagai antara industri yang terus berkembang di seluruh dunia (Seongyeong & Taegu, 2005).

Pada masa yang sama, filem juga didefinisikan sebagai medium yang digunakan untuk dipertontonkan dalam bentuk hasil artistik atau *artistic results* dan menggambarkan keadaan yang sebenar hidup secara mekanikal (Arnheim, 1957). Malah, filem yang terdiri daripada pelbagai bentuk termasuk cereka, dokumentari, eksperimental dan animasi (Kabadayi, 2012), juga mencerminkan wajah-wajah masyarakat dan begitulah sebaliknya (Hayward, 2000). Merujuk kepada petikan yang diterbitkan oleh Asiah Sarji pada 1996, beliau mentakrifkan filem sebagai visual bergerak yang terkandung elemen penceritaan. Elemen penceritaan tersebut ditulis serta diolah dalam bentuk dialog, bunyi dan visual (Tengku Yaakob, T. K. S., Mohammad Hashim, A. F., Sarji, A., & Suhairi, H., 2016). Akhirnya, visual tersebut akan diubah suai bagi memenuhi tujuan serta objektif sebelum ia ditayangkan di layar perak atau televisyen (Asiah Sarji, 1996). Terdapat juga takrifan filem yang diterbitkan oleh Naim Haji Ahmad pada 2010, beliau menjelaskan bahawa filem merujuk kepada gabungan karya seni yang berbeza yang menampilkan cerita dan gambaran tentang budaya, idea serta ekspresi perasaan yang dicipta. Cerita yang dimaksudkan boleh merujuk kepada kehidupan yang luas sama ada ia benar atau khayalan atau disunting dan digabungkan menjadi kesatuan bingkai-bingkai yang harmoni untuk membentuk teks atau cerita (Naim Haji Ahmad, 2010).

Mansor Ahmad Saman pada 1983 berkata, filem merupakan sebuah media yang popular di seluruh dunia. Namun begitu, perkembangan industri ini pada awal perkembangannya tidak berkembang dengan pesat seperti negara-negara luar (Saman M. A., 1983). Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan hasil pengumpulan data oleh pihak Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS). Berdasarkan data yang diterbitkan oleh FINAS, ia mendapati bahawa jumlah skrin filem import adalah antara 1094-1185 (FINAS, 2021). Peningkatan jumlah skrin filem telah membuktikan bahawa industri filem Malaysia masih lagi berkembang pesat. Oleh itu, jelaslah bahawa berdasarkan penerangan berkaitan dengan takrifan dan perkembangan industri filem di Malaysia seperti di atas dapat memberi gambaran jelas berkaitan keadaan industri filem tempatan.

Samsuddin A. Rahimin pada 2003 menerbitkan sebuah petikan berkaitan dengan filem mampu memberi pengaruh yang kuat hingga menyebabkan memberi perubahan kepada perwatakan, tingkah laku serta cara bercakap penonton yang terkesan dengan pementasan filem (Samsuddin A. R., 2003). Berdasarkan pernyataan tersebut, Noor Shakirah Mat Akhir, 2006, menerbitkan kenyataan di mana filem dan media massa lain adalah sangat berguna untuk menyebarkan ajaran agama dan menggalakkan orang ramai untuk berhubung dengan Allah s.w.t., termasuk ajaran Rasulullah s.a.w., serta memberi manfaat yang besar kepada semua orang Islam, dan memberi peluang kepada orang bukan Islam untuk memahami kepercayaan Islam (Noor Shakirah Mat Akhir, 2006). Tuntasnya, jelaslah bahawa terbitan sesebuah filem dapat mempengaruhi personaliti para penonton tersebut (Andrianto, N., & Ismail, H., 2022). Portal berita atas talian iaitu MStar telah menerbitkan sebuah artikel yang menyatakan bahawa FINAS berhak untuk menarik lesen penerbitan jika, penerbit membenarkan untuk menyiarkan bahan media yang memaparkan aksi tidak senonoh kepada khalayak (Mstar, 2022). Maka, jelaslah bahawa penerbitan sesebuah filem di layar perak perlu memberi kesan positif atau mendedahkan berkaitan nilai-nilai moral di dalam jalan penceritaan (Hanafiah, M. N. A. H. M., & Yaacob, M. F. B. C., 2020; Yaacob, 2022).

Bagi mematuhi peraturan yang telah digariskan oleh FINAS, syarikat penerbitan KalamAriff Holding telah menerbitkan sebuah filem yang akan ditayangkan di saluran televisyen. Bentuk media seperti ini dikenali sebagai telefilem. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, telefilem merupakan filem yang ditayangkan di televisyen (Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005). Telefilem yang diterbitkan oleh KalamAriff Holding adalah sebuah telefilem rakyat yang memfokuskan kepada gaya hidup masyarakat Pantai Timur. Filem ini diterbitkan pada 2015 dan dibintangi oleh Zek Zamrie serta Sofea Jane (Budiey, 2015).

Sinopsis Telefilem Ikan Singgang Cicah Budu

Telefilem berdurasi 1 jam dan 3 minit ini mengisahkan mengangkat kisah konflik lama antara Awang Him dan Wan Muda. Semua ini disebabkan oleh Wan Muda yang tidak setuju dan bertengkar dengan Arwah Awang Lah pada lima tahun yang lalu. Persengketaan mula berlaku apabila Awang Lah menerima tanah sebelah tanahnya dan berjanji untuk membayar tanah itu kepada pemilik tanah. Walau bagaimanapun, kerana perniagaannya menjadi lebih teruk kerana Wan Muda beralih tapak, hasrat Awang Lah terhenti. Pemilik tanah menjadi tertekan dan meminta Wan Muda membayar tanah. Oleh itu, Wan Muda mempunyai satu geran tanah, manakala Awang Lah mempunyai sebelah. Tanah itu berkembang menjadi jalan kampung dan akhirnya menjadi jalan lama.

Persengketaan ini menjadi lebih rumit apabila Wan Nadia dan Amri menjalin hubungan cinta di Kuala Lumpur. Walaupun mereka berasal dari kampung yang sama, mereka tidak begitu rapat. Songket menyatukan mereka. Cinta mereka mula bangkit semasa mereka bertemu di sebuah kedai songket Mereka juga memiliki selera makan yang sama. Kedua-dua mereka merancang untuk berkahwin. Keadaan semakin teruk apabila Lokman di kampung membawa projek bandar baru melalui jalan utama. Tanah milik Awang Him dan Wan Muda terletak di tepi jalan utama secara kebetulan. Kedua-duanya mereka perlu mendapatkan persetujuan.

Apabila Lokman ingin mendapatkan persetujuan dari kedua-dua pihak, Awang Him bersetuju untuk memberikan izin, tetapi dengan syarat tertentu. Syarat tersebut adalah di hadapan ramai orang, Wan Muda mesti mengakui bahawa dia memperoleh tanah itu dengan cara yang tidak sah. Wan Muda marah dan tertekan. Sanggup memberikan kebenaran, tetapi hanya dengan syarat Awang Him menolak tuduhan itu dan membersihkan namanya. Syarat Wan Muda telah ditolak oleh Awang Him. Syarat Awang Him telah ditolak oleh Wan Muda. Hasrat Lokman tidak tercapai. Situasi itu memeningkan Lokman, dan dia mendapat idea untuk mempengaruhi Awang Him dan Wan Muda dengan menggunakan Bakar dan Mat

Uki. Walau bagaimanapun, percubaan itu tidak berjaya. Dia cuba meminta bantuan Ketua Kampung, Haji Setopa, tetapi tidak berjaya. Wan Muda dan Awang Him kedua-duanya tegas dan egois. Wan Nadia dan Amri juga terjejas. Keduanya balik ke kampung untuk meminta restu orang tua. Walau bagaimanapun, Wan Muda tetap berpendirian bahawa dia tidak mahu darah daging Awang Him menyertai Wan Nadia selagi dia masih hidup. Awang Him memberitahu Amri bahawa jika dia tidak mengambil perhatian teguh Awang Him untuk mengelak daripada berjumpa Wan Nadia lagi, dia boleh menganggap abangnya telah meninggal dunia. Wan Nadia dan Amri mendapati cinta mereka terhalang pada masa itu dan menjadi mangsa situasi. Kedua-duanya akur kerana mereka menghargai orang tua mereka.

Namun, Lokman terus berusaha untuk membina projek Bandar Baru. Lokman menggunakan Haji Setopa sekali lagi. Saya berharap Awang Him dan Wan Muda akan menjadi lebih baik dengan ucapan Ketua Kampung itu. Walau apa pun yang berlaku, keadaan kekal sama. Kedua-dua keras kepala. Jalan ke arah perdamaian semakin tertutup. Wan Nadia dan Amri terpaksa mengorbankan sesuatu untuk memenuhi kehendak seorang abang dan ayah saudara yang lebih pentingkan diri sendiri. Awang Him dan Wan Muda cuba dipulihkan oleh Haji Setopa. Dia memberi mereka ikan singgang dan budu yang tidak cukup ramuan. Awang Him menyatakan rasa tidak puas hati. Wan Muda membuat kenyataan yang tidak menyenangkan. Haji Setopa menyindir. Daripada sindiran tersebut membuat Awang Him dan Wan Muda mula sedar. Terdapat babak akhir dimana Awang Him serta Wan Muda terlanggar tangan antara satu sama lain apabila ingin mengambil juadah tersebut.

Oleh itu, berdasarkan naratif penceritaan ini bersama teori semiotik dapat menjelaskan bait-bait perincian dalam penceritaan. Sebagai contoh salah satu unsur teori semiotik ialah merujuk kepada budaya media. Jadual 1 menunjukkan analisis pendekatan Sussure iaitu merujuk kepada Petanda dan tanda (Sussure, 1916) dalam babak terpilih

METODOLOGI


Kajian yang dilakukan menggunakan kaedah analisis kandungan secara kualitatif. Kualitatif yang pengkaji lakukan adalah lebih kepada pemerhatian kepada bait-bait perincian kandungan telefilem yang dipilih. Sampel kajian iaitu telefilem “Ikan singgang cicah Budu” menjadi fokus kepada kajian ini. Dalam kajian ini, pengkaji hanya akan memfokuskan beberapa perkara seperti naratif penceritaan serta budaya media supaya dapat mengukuhkan lagi bahawa teori semiotik dapat membantu dalam analisa kandungan dan khalayak penyiaran. Menerusi kajian ini penyelidik mengumpulkan maklumat menerusi tiga peringkat iaitu 10 pengumpulan data menerusi penontonan telefilem ini di saluran Youtube. Pada peringkat ini pengkaji mengidentifikasi elemen teks dan memfokuskan kepada bait-bait dialog bagi meneliti bunyi nasal yang digunakan dalam telefilem ini serta memahami teks dan konteks secara terperinci agar makna yang dihasilkan tepat dan tidak keluar daripada lingkungan budaya asal (Chandler, 2007). Kemudian langkah kedua, pengkaji menganalisis petanda dan tanda unsur-unsur yang terlihat dan terdengar dalam dialog (teks) dan juga muzik. Saussure (1916), berpendapat bahawa hubungan antara petanda dan tanda adalah arbitrari tetapi signifikan kerana ia mencerminkan ideologi budaya yang luas. Manakala peringkat ketiga menggunakan kaedah interpretasi data iaitu memahami bunyi nasal dialek Kelantan menerusi kaedah penelitian denotasi dan konotasi (Barthes, 1916) dan disenaraikan dalam jadual berapa banyak penggunaan bunyi nasal dialek Kelantan yang digunakan di dalam telefilem ini.

Teori Semiotik

Teori semeotik digunakan dalam memastikan penjelasan berkaitan kandungan telefilem lebih jelas. Merujuk kepada Peirce pada 1965, teori semiotik ialah tanda yang akan melalui proses semeosis. Semeosis terbahagi kepada tiga kategori iaitu '*representamen*', kedua objek (*object*), dan ketiga (*interpretant*) (Shahidin & Zakaria, 2020). Tanda merupakan hubungan segitiga asli (*genuine triadic*) (Pierce, 1916) dan dapat digambarkan seperti berikut:

Rajah 1

Rajah Teori Semiotik



Tanda yang sebenarnya, menurut Peirce, bermakna representasi dan pengemukaan (Panuti Sudjiman dan Aart Van Zoest, 1996). Dalam bahasa Inggeris, Peirce memanggil objek yang ditunjukkan oleh tanda, serta apa yang diacu dan ditunjukkan. Selain itu, istilah *designatum* dan *denotatum* digunakan Pierce (Rahayu, 2021). Tanda-tanda Peirce daripada proses semiosis triadik. *Qualisign*, *Sinsign*, dan *Legisign* ialah tiga kategori representasi yang berbeza. "*A quality that is a sign*" (Pierce, 1965).

KEPUTUSAN


Manakala, bagi Saussure, tanda itu memperoleh makna daripada mengaitkan kedua-dua komponennya, penanda dan petanda (Chandler, 1994). Contohnya, dalam bahasa, perkataan 'pokok' (*signifier*) membangkitkan konsep pokok (*signified*). Ahli falsafah Charles Sanders Peirce mencadangkan model triadik yang lebih mendalam bagi tanda yang memperkenalkan komponen ketiga, iaitu 'pentafsir', yang mana pemahaman dijana dalam fikiran jurubahasa (Chandler, 1994). 'Tanda' dalam model Pierce boleh menjadi perkataan, warna, bunyi, atau imej yang mewakili objek. Ia adalah penggantian daripada objek itu. Dalam manuskrip ini penulisan beliau, perkataan 'tanda' digunakan mengikut model Pierce, melainkan dinyatakan secara eksplisit. Sebaliknya, objek yang diwakili oleh tanda boleh menjadi objek sebenar atau khayalan. Dalam Pierce model mencadangkan, 'tanda' sepadan dengan 'penanda', dan 'pentafsir' sepadan atau '*signified*', (Griffin, 2012). Sebagai contoh Rajah 2 menunjukkan gambaran kepada 'tanda' dan 'petanda'

Manakala, bagi Saussure, tanda itu memperoleh makna daripada mengaitkan kedua-dua komponennya, penanda dan petanda (Chandler, 1994). Contohnya, dalam bahasa, perkataan 'pokok' (*signifier*) membangkitkan konsep pokok (*signified*). Ahli falsafah Charles Sanders Peirce mencadangkan model triadik yang lebih mendalam bagi tanda yang memperkenalkan

komponen ketiga, iaitu 'pentafsir', yang mana pemahaman dijana dalam fikiran jurubahasa (Chandler, 1994). 'Tanda' dalam model Pierce boleh menjadi perkataan, warna, bunyi, atau imej yang mewakili objek. Ia adalah penggantian daripada objek itu. Dalam manuskrip ini penulisan beliau, perkataan 'tanda' digunakan mengikut model Pierce, melainkan dinyatakan secara eksplisit. Sebaliknya, objek yang diwakili oleh tanda boleh menjadi objek sebenar atau khayalan. Dalam Pierce model mencadangkan, 'tanda' sepadan dengan 'penanda', dan 'pentafsir' sepadan atau 'signified', (Griffin, 2012). Sebagai contoh Rajah 2 menunjukkan gambaran kepada 'tanda' dan 'petanda'.

Rajah 2

Segitiga semantik menggambarkan hubungan antara tanda, objek, dan penterjemah dalam model Peirce. Istilah "tanda" dan "penanda" daripada model Saussure ditukarkan pada model Pierce untuk disediakan perbandingan mudah kedua-dua model (Griffin, 2012).



Pada tahun 1965, Peirce mentakrifkan singsing sebagai "an actual existent thing or event which is a sign". Ini menunjukkan bahawa tanda adalah berdasarkan kenyataannya (Pierce, 1965). Kemudian, "a law that is a sign" adalah legisign (Peirce, 1965). Sebagai contoh penggunaan nama seperti Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Tanda dan petanda bagi watak

Bil	Tanda	Petanda/Penanda
1.	Nama watak 'Wan' seperti Wan Muda dan Wan Nadia.	Ia menggambarkan mereka berada di dalam jalur keturunan keluarga yang sama

Ini bermakna orang yang bercakap bahasa yang sama akan dapat memahami karya sastera (Bidin, A., Ghazali, M. F. M., & Hassan, I., 2023). Sebagai contoh, pembaca yang dalam kalangan masyarakat Melayu berkemungkinan tidak memiliki masalah untuk mengenali jenis-jenis juadah tempatan yang dipaparkan dalam telefilem tersebut. Misalnya juadah ikan singgang dan budu.

Kemudian kita pergi ke tahap kedua, iaitu objek. Peirce mendedahkan tiga kategori tanda, salah satunya adalah ikon. Ikon ialah tanda yang merujuk kepada objek yang mempunyai sifat yang sama seperti yang dapat digambarkan (Rahayu, 2021; Peirce, 1965). Ikon, menurut Paul Copley dan Litza Janz (1997), ialah

tanda yang menunjukkan bahawa objek tertentu terhubung dengannya kerana terdapat keserupaan (Zahferee, Rani, & Ab Rashid, 2023). Apabila terdapat kemiripan rupa (persamaan) antara tanda dan objek yang diwakilinya, tanda itu dianggap ikonik. Sebuah diagram seperti peta, atau lukisan mempunyai hubungan ikonik dengan objeknya, iaitu sejauh mana kedua-duanya serupa. Ikon melaksanakan tugas tertentu yang berkaitan dengan struktur permukaan dan tafsiran makna (Sahidin & Zakaria, 2020). Sahlan Mohd. Saman (1994), menjelaskan bahawa ikon memainkan peranan sebagai tanda dengan cara mewujudkan persamaan bersama objek tersebut.

Jadual 2

Analisis tanda dan petanda bagi ikon

Bil.	Tanda	Petanda/Penanda
1.	 Dialog: Nad ikan singgang, Am budu	la menggambarkan Nad diibaratkan sebagai ikan dan Am pula budu, menunjukkan mereka mempunyai persefahaman dan serius dalam berkawan. Ini kerana dalam adat menu dalam Masyarakat Kelantan ikan singgang lebih sedap dimakan jika ada budu.
2.	 Dialog terjemahan: Tapi tiada hasil langsung, harap nama sahaja Tuah!	Dalam babak ini, Mat Uki merungut kepada ayam peliharaan yang diberi nama Tuah, namun baginya ayam itu tidak mempunyai tuah seperti nama yang diberi.

3.	 Watak Wan Muda bersama isterinya Hawa	Ikon dapat dirujuk dengan watak Wan Muda di dalam telefilem ini menggambarkan seorang yang gigih dan berani dalam mempertahankan haknya apabila dianiaya. Kegigihan serta keberanian itu telah melaksanakan fungsi kepada penandanya, iaitu watak Wan Muda.
4.	 Teks latarbelakang banner yang menunjukkan “sek kito jange pecoh” Dialog terjemahan: Sedapnya kamu bercakap, astaghfirullah.	Babak ini menunjukkan Masyarakat Kelantan lebih popular dengan kata ucapan “sek kito jange pecoh” yang bermaksud Masyarakat kita jangan berpecah, namun babak ini menggambarkan situasi tegang bertikan lidah di antara Wan Muda dan juga Omar Weng. Apa yang digambarkan di dalam banner tidak menggambarkan keharmonian Masyarakat tersebut.
5.	 Dialog terjemahan: Tetapi kerana perempuan itu, kamu letak saya di tepi seperti kain buruk buat sapu kaki.	Dalam babak ini menggambarkan seorang abang memarahi adiknya kerana mempertahankan kawan wanitanya. Abangnya meibaratkan adiknya menganggap dia seperti kain sapu kaki, meletakkan abangnya hanya di bawah kaki. Namun, keadaan bukan seperti yang digambarkan oleh adiknya. Seperti mana dialog terjemahan “hanya kamu seorang adik abang” menunjukkan walau

	Ikan Singgang Cicah Budu (Cerita Rakyat Kelantan)  Dialog terjemahan: Hanya kamu seorang adik abang.	apapun berlaku hubungan adik-beradik tiaak akan putus dan kasing sayang adik dan abang buat selamanya.
6.	 Dialog terjemahan: Mungkin kita sudah lupa falsafah budu Ikan Singgang Cicah Budu (Cerita Rakyat Kelantan)  Dialog terjemahan: Jika kita makan gulai, bila masuk tangan orang lain gulai sudah tidak boleh dimakan	Babak akhir iaitu tok penghulu mengadakan kenduri makan bersama penduduk kampung dengan budu yang disedekahkan oleh Omar Weng, manakala ikan yang disedekahkan oleh Wan Muda. Tok penghulu menyediakan menu makan nasi ikan singgang cicah budu yang merupakan kegemaran Masyarakat dan budaya dalam permakanan Masyarakat Kelantan. Persengketaan yang sekian lama di antara oleh Wan Muda dan Omar Weng disebabkan tanah menyatukan mereka apabila makan berhidang dengan menu kegemaran mereka iaitu iakan singgang cicah budu.



Dialog terjemahan: Tetapi kalau budu, semakin banyak tangan yang mencicah, semakin sedap, semakin selera kita makan



Dialog terjemahan: Kalau kita boleh cicah budu, kenapa kita tidak boleh duduk sekali?



Dialog terjemahan: Kerjasama atas nama 'bersatu' seperti kita cicah budu.

Tok penghulu mengibaratkan makan budu berbeza dengan makan gulai (kari). Makan gulai jika dicicah terus tidak dapat dimakan, namun ia berbeza dengan budu, makin ramai yang cicah-mencicah semakin sedap dimakan.

Tok penghulu menasihatkan Wan Muda dan Omar Weng boleh Bersatu sepetimana sama-sama bersatu makan cicah budu bersama.

Dalam bababk terakhir iaitu babak makan nasi bersama dengan ikan singgang dan cicah budu menggambarkan falsafah budu, dapat menyatukan masyarakat yang sudah lama bersengketa. Budaya menu makanan tempatan Kelantan menunjukkan kesatuan yang erat kerana kesukaan yang sama.

Seperti yang dinyatakan oleh Paul Copley dan Litza Janz pada 1998, *"...it is a proper significant effect. Most often it is thought as a sign in the mind that is the result of an encounter with a sign."* (Paul Copley dan Litza Janz, 1998). Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa interpretant merupakan tanda yang terdapat dalam fikiran kita sejurus selepas kita mengenal pasti tanda tersebut, dan ia kemudiannya telah dibahagikan kepada interpretasi (Aart van Zoest, 1993). Dalam telefilem tersebut, tanda rHEME dapat dilihat apabila Wan Nadia mengeksperisikan kasih sayangnya dengan memasak ikan singgang kegemarannya itu seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2, bil.1.

Jelaslah, bahawa tanda-tanda yang diterangkan berdasarkan kajian Peirce pada 1965 dapat diguna pakai apabila ingin menjalankan kajian kandungan sesuatu karya media. Teori ini juga dapat merungkai maksud sebenar setiap perincian sesebuah karya cerita. Walau bagaimanapun kajian ini amat menekankan kepada indeks yang menerangkan tindak-tanduk, dan juga sebab dan akibat menerusi pengucapan dialog (dialek) watak menerusi kajian yang terperinci terhadap bunyi nasal.

Budaya

Merujuk kepada definisi budaya media yang digariskan oleh Thomas pada 2012 ditakrifkan sebagai budaya yang wujud disebabkan media masa (Thomas, 2012). Berdasarkan telefilem ini, memandangkan dari permulaan cerita hingga pengakhiran cerita menggunakan sepenuhnya dialek negeri Kelantan dapat menunjukkan kepada umum identiti dialek neger tersebut.

Terdapat banyak perbezaan sebutan dalam dialek Melayu di Semenanjung Malaysia, terutamanya dialek dari salah sebuah negeri di pantai timur iaitu Kelantan. Dialek Kelantan memiliki banyak perkataan yang berbeza daripada sebutan baku. Dialek Kelantan ialah salah satu daripada beberapa dialek bahasa Melayu yang dituturkan oleh orang yang berasal dari negeri Kelantan tetapi menetap di luar negeri, atau mewarisi ibu bapa atau penjaga mereka yang berasal dari Kelantan.

Dianggap sebagai dialek yang sukar difahami oleh penutur yang tidak menggunakan dialek tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Abdul Hamid Mahmood pada 1994, kata-kata yang terdiri daripada kata-kata yang sama tetapi mempunyai makna yang berbeza antara dialek Kelantan dan bahasa Melayu (Asri & Hamzah, 2023). Selain itu, terdapat juga kata-kata yang datang daripada bahasa Melayu dan disesuaikan dengan dialek Kelantan (Razali & Daud, 2020; Mahmood, 1994).

Merujuk kepada telefilem tersebut pengkaji menyenaraikan perkataan-perkataan yang mengalami perubahan dari segi bunyi nasal [n] kepada [ŋ] serta [n], [m], [ŋ] kepada bunyi vokal e taling [ě]. Kemudian pengkaji juga akan membandingkan perkataan yang mengandungi bunyi nasal antara dialek Kelantan yang terkandung dalam telefilem "Ikan Singgang Cicah Budu" dengan Bahasa Melayu Moden. Hasil daripada pengelasan tersebut adalah seperti berikut:

Senarai Perkataan yang Mengalami Perubahan Bunyi Nasal dalam Dialek Kelantan yang Terkandung dalam Telefilem 'Ikan Singgang Cicah Budu'.

(a) Perubahan Bunyi Nasal [n] kepada [ŋ]

Pengkaji dapat mengenal pasti dan menyenaraikan perkataan yang mengalami perubahan bunyi nasal dalam dialek Kelantan yang terkandung dalam telefilem "Ikan Singgang Cicah Budu" seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 3

Senarai Perkataan yang Mengalami Perubahan Bunyi Nasal [n] kepada [ŋ] dalam dialek Kelantan yang terkandung dalam telefilem “Ikan singgang Cicah Budu”.

Bil.	Senarai Perkataan	Contoh Dialog	Minit
1	[tƏrsusun]	“ rahmat bƏso untu? oYƏ kampun ni, sƏmuona ho? cukup lƏŋkap, tƏrsusun”	9.35-9.41
2	[kƏmarin]	“ bƏrapo upoh mu kƏmarin ambo ta? bayo?”	8.28-8.31
3	[BƏrtahun -tahun]	“ Awang Loh janji koson, bƏrtahun-tahun janji, do? jadi-jadi jugo?”	20.07- 20.14
4	[tƏlƏpon]	“ gini, Am tƏlƏpon kat Nad, Nad to? jawab”	17.41-17.45
5	[kƏizinan]	“ ambo sƏtuju no? buwi kƏizinan bua? jalan atah tanoh ambo tadi”	28.30-28.36
6	[pun]	“Am ingak, hujun bulƏ ni pun Am no? amƏ? cuti”	18.24-18.28
7	[tuhan]	“ banyokkan bƏrdoa, minto? dƏnan tuhan”	1.03.28-1.03.30

Berdasarkan Jadual 3, pengkaji telah mengenal pasti dan menyenaraikan 7 perkataan yang mengalami perubahan bunyi nasal [n] kepada [ŋ] dalam dialek Kelantan yang terdapat dalam telefilem ‘Ikan Singgang Cicah Budu’. Sesetengah perkataan tersebut akan mengalami perubahan bunyi nasal apabila perkataan itu digunakan oleh penutur dialek Kelantan khususnya dalam kehidupan harian mereka (Hasrah, 2020). Proses perubahan bunyi nasal ini berlaku apabila bunyi konsonan sengauan atau nasal yang berada pada akhir perkataan tertentu akan berubah menjadi sebutan yang baharu iaitu bunyi konsonan nasal [ŋ]. Pengkaji mendapati bahawa kebanyakan perkataan yang mempunyai bunyi nasal akan berubah sekiranya, bunyi konsonan pada akhir perkataan itu ialah sengauan [n]. Walau bagaimanapun, perkataan yang mengalami proses perubahan bunyi nasal ini hanya melibatkan sebilangan perkataan sahaja. Sebagai contoh, sebutan perkataan bagi **[telefon]** dalam dialek Kelantan akan berubah menjadi **[tƏlƏpon]**. Selain itu, bagi perkataan **[keizinan]** pula berubah menjadi **[kƏizinan]**. Seterusnya bagi perkataan **[tersusun]** pula akan berubah menjadi **[tƏrsusun]**. Begitu juga contoh perkataan lain seperti yang ditunjukkan dalam jadual.

(b) Perubahan Bunyi Nasal [n], [m], [ŋ] kepada bunyi vokal e taling [ɛ].

Pengkaji dapat mengenal pasti dan menyenaraikan perkataan yang mengalami perubahan bunyi nasal [n], [m], [ŋ] kepada bunyi vokal e taling [ɛ] dalam dialek Kelantan yang terkandung dalam telefilem “Ikan Singgang Cicah Budu” seperti dalam jadual 3 di bawah:

Jadual 4

Senarai Perkataan yang Mengalami Perubahan Bunyi Nasal [n], [m], [ŋ] kepada Bunyi Vokal e taling [ɛ] yang terdapat dalam telefilem “Ikan singgang Cicah Budu”.

Bil	Senarai Perkataan	Contoh Dialog	Minit
1.	[ikɛ]	“Ambo nok pi bayar duit harga ikɛ dŋɛ Hisham”	4.31 - 3.35
2.	[pŋɛ]	“Hawa tolon pŋɛ ja”	4.52 - 4.54
3.	[dŋɛ]	“kalo mu dŋɛ ʏoya? kŋ aku, aku bawak pi spita”	6.00 – 6.06
4.	[jalɛ]	“tanoh ni makɛ jalɛ dalɛ projɛ? bŋsa”	7.28 – 7.30
5.	[gŋɛ]	“tapi, kalo ŋiku? atah gŋɛ tanoh ni ada duo namo”	7.34 – 7.38
6.	[timɛ]	“timɛ dŋɛ aŋka? ton, kalo maʏi RM180 dɛh”	8.44 – 8.48
7.	[bukɛ]	“bukɛ sŋmua tŋpa? lain ado, haji”	9.41 – 9.42
8.	[kŋnataɛ]	“ambo bukɛ nok ngɛpɛŋ Haji, ambo ʏoyak atah baʏɛ kŋnataɛ”	9.48 – 9.54
9.	[sayɛ]	“aku sayɛ, aku tak ʏaso nok bŋrŋganɛ”	11.44 – 11.49
10.	[kŋjujurɛ]	“Nad pŋrcayo dok soal kŋjujurɛ?”	31.37 - 31.44
11.	[pŋdomɛ]	“aku ʏoya? soh mu buat pŋdomɛ, bukan soh mu sɛbo?”	13.22 – 13.28
12.	[tŋrajɛ]	“sapo dio datɛ kŋndɛ aku, mɛnɛ? aku, oʏɛ tu lah aku hama? hok, oʏɛ tu lah aku akɛ tŋrajɛ”	13.35 – 13.43
13.	[hitɛ]	“hitɛ putih, kato, putih pado Cɛk Wɛ”	14.53 – 14.56
14.	[bincɛ]	“ambo ʏaso dalɛ pŋrkaro ni doh to? ‘lɛh bawa bincɛ doh”	21.01 – 21.04

15.	[cincě]	“ sƏbab sapo-sapo maŷi bincě dƏŋan ambo pasal tanoh ni ambo akě cincě bƏlako”	21.09 – 21.14
16.	[hěřě]	“ kamu mudo, kalu askar ni pƏluru dio atah kƏpalo bom lƏtup kƏ tƏliŋo ambo tak undur, ambo tak hěřě”	21.27 – 21.31
17.	[abě]	“lagu mano tu abě”	23.02 – 23.04
18.	[měmě]	“Wan Muda měmě jaha? tƏru? udoh”	23.32 – 23.35
19.	[oŷě]	“oŷě lagu tu ko ambo na? hormat?”	24.09 – 24.11
20.	[cadaŋě]	“lagu mano cěk Omar bolěh tƏrimo ko hok cadaŋě to? kƏtuo tu?”	24.46 – 24.50
21.	[dƏpě]	” tapi syarat ambo dƏpě adi? kako?, dƏpě oŷě ŷamai”	27.03 – 27.06
22.	[děwě]	“ dƏpě oŷě ŷamai ho? ado dalě děwě ni”	27.06 – 27.09
23.	[pahě]	“ tapi aku ŷaso sƏkarě ni mu tipu ayoh aku, mu pahě do? ku ŷoya? hari ni jo”	30.25 – 30.28
24.	[kƏsiě]	“ kƏsiě gapo kƏsiě, oŷě lagu tu to? patut nok kƏsiě	36.09 – 36.12
25.	[pƏluě]	“ kƏ malě tu kƏ, Nad sƏndiri ho? ŷoya?, Am ado pƏluě	40.22 – 40.27
26.	[pině]	“ Wan Nadirah Binti Wan Ibrahim, aku pině dƏŋě Bismillah”	40.41 – 40.45
27.	[pƏdě]	“ caro mu kěcě? ni, oŷě tuo kato, mƏniti atah mato pƏdě, mƏniti atah mato kapo?”	42.25 – 42.31
28.	[macě]	“ Nad kěcě? ni macě ado pƏŋalamě ja”	32.07 – 32.10
29.	[malě]	“ kƏ malě tu kƏ Nad sƏndiri ŷoya? Am ado pƏluě”	40.23 – 40.25

30.	[dalě]	“ dƏpě oYě Yamai ho? ado dalě dēwě ni”	27.06 – 27.09
31.	[bƏrƏŋgaŋě]	“ aku sayě, aku tak Yaso nok bƏrƏŋgaŋě ”	11.44 – 11.49
32.	[sƏkarě]	“ tapi aku Yaso sƏkarě ni mu tipu ayoh aku, mu pahě do? ku Yoya? hari ni jo”	30-25 – 30.28

Berdasarkan Jadual 4, pengkaji telah mengenalpasti dan menyenaraikan 32 perkataan yang mengalami perubahan bunyi nasal [n], [m], [ŋ] kepada bunyi vokal e taling [ě] dalam telefilem “Ikan singgang Cicah Budu”. Proses perubahan bunyi nasal ini berlaku apabila bunyi konsonan sengauan seperti [m], [n], dan [ŋ] pada akhir suku kata tertentu akan disebut dengan bunyi vokal e taling iaitu [ě].

Selain itu, pengkaji dapat melihat bahawa penutur dalam telefilem ini banyak menggunakan vokal depan separuh sempit [ě] dalam pertuturan mereka. Sebagai contoh, perkataan [ikan] disebut dalam dialek Kelantan berubah menjadi [ikě] dan perkataan [jalan] berubah menjadi [jalě]. Kedua-dua perkataan ini telah menggugurkan bunyi konsonan [n] dan menukarkannya kepada bunyi vokal e taling [ě]. Manakala perkataan [pegan] berubah menjadi [pƏgě] dan perkataan [pinan] berubah menjadi [pině]. Perkataan [pegan] dan [pinan] telah digugurkan bunyi [ŋ] dan disebut dengan bunyi vokal e taling [ě] pada hujung suku kata akhir. Selain itu, perkataan [demam] berubah menjadi [dƏmě] dan perkataan [hitam] berubah menjadi [hitě]. Perkataan ini juga mengalami pengguguran pada akhir perkataan iaitu bunyi [m] dan perkataan tersebut disebut dengan bunyi e taling [e] pada suku kata akhir. Melalui contoh ini, pengkaji dapat menjelaskan bahawa penutur dalam dialek Kelantan telah mengubah konsonan nasal pada akhir suku kata iaitu [n], [m] dan [ŋ] kepada bunyi vokal depan separuh sempit [ě] (Hasrah, M. T., 2020).

Perbandingan Sebutan Perkataan yang Mengandungi Bunyi Konsonan Nasal Antara Dialek Kelantan yang terkandung dalam telefilem “Ikan Singgang Cicah Budu” dengan Bahasa Melayu Moden.

- (a) Bunyi Konsonan Nasal [n] Berubah kepada Bunyi Nasal [ŋ]

Jadual 5

Perbandingan Sebutan Perkataan yang Mengalami Perubahan Bunyi Nasal [n] kepada [ŋ] dalam Dialek Kelantan dengan Bahasa Melayu Moden

Bil	Sebutan Perkataan Dalam Dialek Kelantan	Sebutan Perkataan Dalam Bahasa Melayu Moden
1.	tƏrsusun	tersusun
2.	kƏmarin	kelmarin
3.	bƏrtahun -tahun	bertahun-tahun
4.	tělƏpon	telefon
5.	kƏizinan	keizinan

6.	pun	pun
7.	tuhan	tuhan

Jadual 5 menunjukkan perbandingan sebutan perkataan yang mengalami perubahan bunyi nasal [n] kepada [ŋ] dalam dialek Kelantan dengan Bahasa Melayu Moden yang terdapat dalam telefilem “Ikan Singgang Cicah Budu”. Berdasarkan jadual tersebut, pengkaji mendapati bahawa perubahan bunyi nasal tersebut telah menyebabkan sebutan beberapa perkataan asal Bahasa Melayu Moden berubah. Sebagai contoh, perkataan ‘keizinan’ dituturkan oleh masyarakat Kelantan sebagai [kəizinaŋ]. Hal ini menunjukkan bahawa bunyi nasal [n] telah ditukar kepada [ŋ] oleh masyarakat penutur dialek Kelantan. Terdapat juga perkataan lain yang mengalami perubahan yang sama seperti perkataan [tuhan] dan [tərsusun] sebagai contoh lain boleh ditunjukkan dalam jadual 4.

(b) Bunyi Konsonan Nasal [n] kepada Bunyi Vokal [m], [ŋ], dan e taling [ē]

Jadual 6

Perbandingan sebutan antara perkataan yang mengalami perubahan bunyi nasal [n], [m] dan [ŋ] kepada bunyi vokal e taling [ē] dalam dialek Kelantan yang terkandung dalam telefilem “Ikan Singgang Cicah Budu” dengan Bahasa Melayu Moden.

Bil	Dialek Kelantan	Bahasa Melayu Moden
1.	[ikē]	[ikan]
2.	[pəŋgē]	[pegang]
3.	[dəmə]	[demam]
4.	[jalē]	[jalan]
5.	[gəŋrē]	[geran]
6.	[timbē]	[timbang]
7.	[bukē]	[bukan]
8.	[kəŋpataē]	[kenyataan]
9.	[sayē]	[sayang]
10.	[kəŋjujurē]	[kejujuran]
11.	[pədomē]	[pedoman]
12.	[təŋrajē]	[terajang]
13.	[hitē]	[hitam]
14.	[cincē]	[bincang]

15.	[cincě]	[cincang]
16.	[hěřě]	[hairan]
17.	[abě]	[abang]
18.	[měmě]	[memang]
19.	[oŸě]	[orang]
20.	[cadaŋě]	[cadangan]
21.	[dƏpě]	[depan]
22.	[děwě]	[dewan]
23.	[pahě]	[faham]
24.	[kƏsiě]	[kesian]
25.	[pƏluě]	[peluang]
26.	[pině]	[pinang]
27.	[pƏdě]	[pedang]
28.	[macě]	[macam]
29.	[malě]	[malam]
30.	[bƏrƏŋě]	[berenggang]
31.	[dalě]	[dalam]
32.	[sƏkarě]	[sekarang]

Jadual 6 menunjukkan perubahan bunyi nasal dalam dialek Kelantan yang dikaji oleh pengkaji ialah bunyi [n], [m], dan [ŋ]. Berdasarkan jadual di atas, pengkaji mendapati bahawa dalam dialek Kelantan, bunyi konsonan [n], [m], dan [ŋ] telah digugurkan dan diganti dengan bunyi vokal depan separuh sempit iaitu e taling [ē]. Sebagai contoh, pengguguran bunyi konsonan [n] berlaku pada perkataan ‘jalan’ apabila dituturkan oleh masyarakat Kelantan sebagai [jalě]. Pengguguran bunyi konsonan [m] pada perkataan ‘macam’ turut berlaku apabila dituturkan oleh masyarakat Kelantan sebagai [macě] dan pengguguran bunyi konsonan [ŋ] turut berlaku pada perkataan ‘abang’ apabila dituturkan oleh masyarakat Kelantan sebagai [abě]. Pengkaji turut mendapati bahawa pengguguran bunyi [ŋ] dalam dialek Kelantan kurang digunakan. Perbandingan perkataan yang mengalami pengguguran bunyi nasal dalam dialek Kelantan dengan Bahasa Melayu Moden membolehkan pengkaji membezakan dan mengenal pasti perkataan dalam dialek Kelantan dengan Bahasa Melayu Moden (Makhtar, R., Latiff, A. A., Badaruddin, N. E. N., & Azharuddin, M. F., 2021).

Tuntasnya, berdasarkan kajian yang telah dibuat, pengkaji dapat merumuskan bahawa terdapat bunyi konsonan sengauan yang mengalami perubahan dalam dialek Kelantan berdasarkan telefilem 'Ikan

Singgang Cicah Budu'. Perubahan ini berlaku apabila bunyi konsonan nasal dalam kosa kata tertentu digantikan dengan sama ada bunyi konsonan nasal yang lain atau bunyi vokal hadapan separuh sempit. Perubahan ini menyebabkan berlaku perbezaan sebutan kosa kata tertentu dalam dialek Kelantan yang telah dituturkan oleh penutur (Yaacob, Adnan & Hassan, 2023).

Dalam kajian ini, pengkaji telah menyenaraikan kosa kata yang mengalami perubahan bunyi konsonan nasal dalam dialek Kelantan berdasarkan telefilem 'Ikan Singgang Cicah Budu'. Bunyi nasal terbahagi kepada empat iaitu (n), (m), (ng), dan [ny]. Namun, pengkaji hanya mendapati bahawa hanya tiga bunyi konsonan nasal yang mengalami perubahan terdapat dalam telefilem ini iaitu bunyi konsonan nasal (n), [m] dan [ng] sahaja. Perubahan yang berlaku ini menunjukkan perbezaan kosa kata dalam dialek Kelantan dengan Bahasa Melayu Moden (Sultan & Nasir, 2020). Hal ini menunjukkan bahawa kosa kata asal Bahasa Melayu Moden yang diubah oleh masyarakat Kelantan hanya boleh difahami dalam kalangan mereka (Maharam, M. E., Muhammad, M., & Baharuddin, H., 2020). Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa dialek Kelantan ini memainkan peranan penting dalam variasi Bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana dialek Kelantan ini menunjukkan kepelbagaian bahasa yang diukur menggunakan dialek iaitu isoglos sekali gus menunjukkan keunikan Bahasa Melayu di Malaysia (Supian, N. S., Radzi, H., Kasdan, J., & Hamzah, S. N., 2023). Oleh itu, jelaslah bahawa perubahan bunyi konsonan nasal dalam dialek Kelantan memainkan peranan penting dalam menunjukkan perbezaan dengan Bahasa Melayu Moden dan perubahan ini yang dipaparkan di telefilem Ikan Singgang Cicah Budu.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, telefilem Ikan Singgang Cicah Budu merupakan sebuah telefilem rakyat yang mampu menambat hati penonton. Hal ini dikatakan demikian kerana, dialek yang digunakan serta jalan cerita telefilem ini tidak menunjukkan sebuah ialan cerita fantasi yang sering dipaparkan oleh telefilem-telefilem yang lain. Teori Semiosis yang digunakan di dalam kajian terbukti dapat membantu dalam mentafsir setiap maksud perincian-perincian cerita (Muhammed Syafiq et. al., 2020). Perkara ini disebabkan oleh konsep teori ini menggunakan kaedah segitiga yang menerangkan berkaitan tanda dan pertanda atau '*representamen*', '*object*' dan '*interpretant*'. Penerbitan telefilem ini juga mampu memberi kesan dari segi budaya kerana ia mendedahkan berkaitan dialek Kelantan serta tradisi negeri Kelantan. Setiap budaya mempunyai kekuatannya yang tersendiri dari aspek ideologi dan setiap individu terikat dengannya (Jusoh & Yaacob, 2020). Selain itu ia juga mampu memberi pengaruh kepada individu serta memberi keyakinan dalam bertutur (Syafini & Embong, 2020). Maka, ideologi menjadi sebahagian daripada cara untuk mengenali diri sendiri dan pengenalan ini selalunya dilihat melalui media sama ada di filem atau televisyen dari aspek politik, agama dan pendidikan (Erasiah et, al. 2023). Ia juga diselitkan dengan nilai-nilai murni yang terdapat menerusi kepelbagaian dan keunikan dialek (Yaacob, M. F. C., Ismail, S., Jamal, D. H. D., Som, S. M., Saari, F. A., & Abdillah, N., 2022). Namun, budaya juga penuh kontradiksi sentiasa bergerak dan berubah. Elemen inilah yang terus membangun dan memajukan budaya. Maka, terbukti bahawa penerbitan sesebuah bahan media mampu memberi kesan budaya kepada masyarakat.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. 1994. *Sintaksis Dialek Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajib Che Kob, (1985). *Dialek Geografi Pasir Mas*. Seri Monograf Institut Bahasa Kesusasteraan dan Keudayaan Melayu 3. Bangi: Universiti KEBangsaan Malaysia. Andaya, Barbara Watson
- Chandler, D. (2007). *Semiotics: The Basics*. Routledge.
- Cobley, Paul dan Litza Jansz, 1997. *Introducing Semiotics*, Victoria: Mc Pherson's Printing Group.
- Panuti Sudjiman & Aart Van Zoest (Peny.), 1992. *Serba-serbi Semiotika*, Jakarta: Penerbit PT Gramedia Utama.
- Sahlan Mohd. Saman, 1994. "Dekad 1990-an Era Kematangan Kesusasteraan Melayu." *Dewan Sastera*, Jilid 24, Mac. Bil. 4, hlm. 65.
- Sahidin, Z. P., & Zakaria, N. (2020). Kajian Ikon, Indeks Dan Simbol Dalam Cerita Legenda Lombok Berdasarkan Teori Semiotik. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1), 187-194.
- Saussure, F. de. (1916). *Course in General Linguistics*. McGraw-Hill.
- Thomas, P. L. (2012). *Ignoring Poverty in the U.S.: The Corporate Takeover of Public Education*. Information Age Pub., Incorporated.
- Van Zoest, Aart, 1990. *Fiksi dan Non Fiksi dalam Kajian Semiotik*, Manoeckmi Sardjoe (Ptj.), Jakarta: Intermedia.
- Peirce, Charles Sanders, 1965 (Vol. I & Vol. II). *Collected Papers of Charles Sanders Peirce*, Belknap Press of Harvard University Press: London.
- Andrianto, N., & Ismail, H. (2022). Peran Analisis Semiotik Dalam Film *The Social Dilemma* Dalam Teori "CMC" Computer Mediated Communication. *Jurnal Riset Rumpun Seni, Desain dan Media*, 1(2), 43-58.
- Asmah Hj. Omar. (2008). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa danPustaka
- Asri, M. A. J. M., & Hamzah, S. N. (2023). Kata Pinjaman Bahasa Semai Dalam Lagu Di Buku Teks Tahun Satu Tema 1: Analisis Atur Rumus Fonologi. *Jurnal Wacana Sarjana*, 7(5), 1-17.
- Bidin, A., Ghazali, M. F. M., & Hassan, I. (2023). Intertextuality In Singaporean Literature: An Analysis Of Isa Kamari's *Satu Bumi*. *Synesis (ISSN 1984-6754)*, 15(4), 315-330.
- Erasiah, E., Pratama, F. S., Zain, F. M., Ardy, M. S., & Dalela, R. (2023). Kelantan The Little Mecca: Its Influence on the Archipelago's 15th-19th century Islamic Civilisation to the Present Day. *Jurnal lektur keagamaan*, 21(1), 125-156.
- Fuze, M. F. I., & Jaafar, S. R. S. (2023). Asimilasi Homorganik Nasal Imbuhan Pan-dalam Bahasa Banjar. *Jurnal Bahasa*, 23(2), 289-312.
- Griffin, J. (2012). Foundations of Rhetoric within the Semiosis of Life. *The American Journal of Semiotics*, 28(4), 175-204.

- Hanafiah, M. N. A. H. M., & Yaacob, M. F. B. C. (2020). Nilai-nilai Islam dan pembentukan akhlak dalam cerita rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*.
- Hasrah, M. T. (2020). Dialek Pasir Raja: Ciri Fonologi dan Pengelompokan. *Jurnal Bahasa*, 20(2), 173-202.
- Hasrah, M. T. (2020). Dialek Pasir Raja: Ciri Fonologi dan Pengelompokan. *Jurnal Bahasa*, 20(2), 173-202.
- Jusoh, S. A., & Yaacob, M. F. B. C. (2021). Satu Analisis Pemikiran Mantera Pakaian Diri Orang Asli di Kampung Sungai Rual, Jeli, Kelantan. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- Maharam, M. E., Muhammad, M., & Baharuddin, H. (2020). Sinema Nasional Malaysia: Pasang Surut Budaya Dalam Tiga Era. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(3), 228-246.
- Makhtar, R., Latiff, A. A., Badaruddin, N. E. N., & Azharuddin, M. F. (2021). Perbandingan Dialek Melayu Kelantan Dan Dialek Melayu Terengganu. *Jurnal Melayu Bil.20* (2).
- Mohd Khaidir Abdul Wahab & Mohd Nor Taufiq Nor Hashim. (2020). Aspek leksikal kata nama dalam dialek masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai Perak. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 2(2), 67–78.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab. (2022). Pengelompokan bahasa Melayu dengan bahasa Banjar dalam salasilah hipotetikal bahasa: Kajian perbandingan leksikostatistik. *Jurnal Melayu*, 21(1), 1–21.
- Muhammed Syafiq bin Salleh, Mohamad Nor Hisyam bin Musa, Sharifuddin bin Zainal, Lokman Abdul Samad & Nursiah Hj Sabdin. (2020). Signifikasi Wau Dalam Telemovie “Wau Kasih”: Wau Signification In Malay Telemovie “Wau Kasih”. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 10.
- Rahayu, I. S. (2021). Analisis kajian semiotika dalam puisi chairil anwar menggunakan teori Charles Sanders Pierce. *SEMIOTIKA: Jurnal Komunikasi*, 15(1).
- Razali, N. F. S. M., Deli, R. M., & Daud, M. Z. (2020). Penelitian Dini Dialek Melayu Kelantan (Subdialek Pasir Mas, Kelantan): Fonem Vokal. *Jurnal Sains Sosial*, 4(1), 102-112.
- Rohana, N. A. M., Rameli, M. F. P., Nordin, R., & Hashim, S. N. I. (2017). Kepelbagaian dan kesepaduan etnik di Malaysia menurut Islam. *Sains Insani*, 2(2), 88-97.
- Sukani, M. A. B., & Abd Karim, A. B. H. (2019, July). Kompetensi Pengajaran Guru Bahasa Melayu Prasekolah Pendidikan Khas dari Perspektif Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM). In *Proceedings of International Conference on Special Education* (Vol. 3).
- Sultan, F. M. M., & Nasir, S. N. N. M. (2020). Kata kerja bantu dialek Kelantan: Analisis kerangka program minimalis. *RUMPUN Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 1-15.
- Supian, N. S., Radzi, H., Kasdan, J., & Hamzah, S. N. (2023). Pendokumentasian dan Pemaparan Awal: Analisis Kajian Lapangan di Kelantan Utara.
- Syafini, A., & Embong, Z. (2020). Pengaruh dialek dalam komunikasi terhadap tahap keyakinan diri pelajar sekolah menengah di Kota Bharu, Kelantan. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 3(1), 26-40.
- Tengku Yaakob, T. K. S., Mohammad Hashim, A. F., Sarji, A., & Suhairi, H. (2016). Peperangan antara negara dalam sejarah Melayu: Suatu analisis naratif filemik Menggunakan Pendekatan Teori Semiotik.

- Yaacob, M. F. C. (2022). Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Rakyat Kota Bharu, Kelantan. *Jurnal Melayu*.
- Yaacob, M. F. C., Adnan, T. S. N. S. T., & Hassan, H. (2023). Dialek Kelantan, Nilai Murni dan Akal Budi dalam Naratif Lisan Terpilih di Seluruh Jajahan Kelantan.
- Yaacob, M. F. C., Ismail, S., Jamal, D. H. D., Som, S. M., Saari, F. A., & Abdillah, N. (2022). Kajian Mengenai Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Kelantan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 10(1).
- Zahferee, I. M. M., Rani, M. K. A. A., & Ab Rashid, M. (2023). Ethnography in Malaysia Animation Study: A Case Study on Kampung Boy. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 4(2), 167-176.
- Wahab, N. I. A. (2023). *Penerapan Bahasa Halus Dalam Filem Melayu Klasik Terpilih Tahun 60-an: Lambang Kesantunan Masyarakat Melayu* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan). (thesis)
- Budiey, 2015. Sofea Jane Dalam Telemovie Ikan Singgang Cicah Budu | Sensasi Selebriti. <https://www.budiey.com/sofea-jane-dalam-telemovie-ikan-singgang-cicah-budu/>
- Maklumat Industri. (n.d.). Finas. Diakses pada Jun 19, 2023, from <https://www.finis.gov.my/industry-information/>
- Pustaka, D. B. (2005). Carian Umum. Prpm.dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=telefilem>